

22 MAR 2004

PUSPANITA ADAKAN MAJLIS PERPISAHAN UNTUK SITI HASMAH

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Isteri bekas Perdana Menteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata ilham untuk mewujudkan Persatuan Suri, Pegawai dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) datangnya daripada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Siti Hasmah menceritakan kisah kelahiran persatuan ini di majlis perpisahan bekas penaung Puspanita di sini malam ini yang turut dihadiri Dr Mahathir.

Dr Mahathir mendapat idea ini selepas sambutan yang diterima daripada Pertubuhan "Dharma Wanita" apabila dia bercuti di Indonesia dengan Siti Hasmah dan keluarga pada 1975.

Dr Siti Hasmah menjadi penaung persatuan itu sejak ditubuhkan pada 1983 sehingga tahun lepas. Penaung Puspanita sekarang ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Antara aktiviti Puspanita ialah kegiatan kekeluargaan, pembangunan wanita, kesihatan dan pendidikan pelajar miskin.

Majlis perpisahan ini dihadiri juga Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Samsudin Osman selaku penasihat Puspanita.

-- BERNAMA
SOM RV BK